



КМНТРИН СУМБЕР-СУМБЕР УТАМА ДАН ПЛАНЧОНГАН

KEMENTERIAN SUMBER - SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

# **PELAN STRATEGIK 2020-2022**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**



# 1. PENGENALAN

Penubuhan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 22hb. Oktober 2015 menunjukkan hasrat kuat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya pertumbuhan keluaran industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di negara ini dapat dipertingkatkan bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam.

Melalui pertumbuhan keluaran daripada industri-industri ini, bersama-sama dengan pertumbuhan keluaran daripada industri-industri yang lain, ini akan menjana pertumbuhan serta kepelbagaian ekonomi secara menyeluruh bagi negara ini. Inilah perjalanan ekonomi yang dihasratkan bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.



## 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Halatuju Dan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan Ini Telah Dilakar Berasaskan Kepada Tiga (3) Agenda Utama**





## 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

### 2.1. PETIKAN TITAH-TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Petikan Titah:

#### **Bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masehi 2016**

“Disini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, **yang memerlukan negara menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar industri minyak dan gas.**

Diantara yang di luar industri minyak dan gas itu, ialah seperti **industri pertanian atau perikanan**, industri pembuatan, industri perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Kita mustahak ingat, bahawa **pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran**, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk memasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai **eksport.**

Beta sebelum ini pernah menekankan, bahawa **peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh dicapai** dengan memberi keutamaan kepada **peningkatan produktiviti**, melalui penyelidikan dan **penggunaan teknologi terkini.**

Ini turut diyakini mampu untuk membantu mengurangkan unit kos pengeluaran, disamping juga akan membolehkan kita menembusi pasaran antarabangsa dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kita. Dengan berlakunya ini, bererti, keluaran dan eksport kita adalah tumbuh, yang dengan sendirinya, akan meletakkan ekonomi kita juga berada di tahap berkembang dan tumbuh”.



## 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Petikan Titah:

### **Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet 2018**

“Mengenai pertanian pula, apa yang mustahak adalah kerajinan, rajin berusaha dan merancang. Oleh itu rancanglah betul-betul supaya menghasilkan produk-produk pertanian yang diperlukan oleh negara. **Berilah perhatian dan keutamaan kepada sektor pertanian.** Oleh kerana sektor inilah yang akan menentukan kelangsungan kita sebagai bangsa dan negara yang merdeka. **Perluaskanlah tanaman padi** oleh kerana kita sangat memerlukan bekalan beras yang merupakan bahan makanan asasi kita supaya kita tidak semata-mata bergantung kepada pengimportan beras dari luar negara.”

Petikan Titah:

### **Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Permesyuaratan ke-14 Majlis Mesyuarat Negara 2018**

“Beta sudah pun menyebut berkali-kali bidang **pertanian**. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut mood, tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat-sangat memerlukan. Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam pemakanannya, khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil”

Petikan Titah:

### **Hari Keputeraan KDYMM Yang Ke 72 Tahun Bagi Tahun 2018**

“Salah satu langkah ke arah pertumbuhan ekonomi, ialah dengan **meneroka sektor pertanian**. Sektor pertanian sangat penting untuk kehidupan. Pertanian memainkan peranan utama dalam pembinaan tamadun. Bagi negara yang menerima hujan dan tanah-tanah masih belum diteroka, maka tidaklah praktikal untuk terus mengimport bahan asas makanan tanpa berusaha sendiri memenuhi keperluan.”



## 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Petikan Titah:

### Perasmian Majlis Ilmu 2018 Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-72 Tahun

"Pertanian, perlu diceburi oleh siapa saja. Ia tidaklah terbatas kepada mereka yang memiliki ratusan hektar tanah baru hendak bertanam, bahkan orang juga boleh bertanam di halaman-halaman rumah masing-masing atau di dalam pasu untuk menghasilkan, seperti pepohon sayur dan lada seumpamanya. Yang penting, kita ini tidak akan diam begitu saja dengan mensia-siakan peluang bertanam. Kita mesti turut menyumbang untuk menghijaukan bumi. Bumi yang hijau adalah lambang rezeki.

Khusus mengenai **penanaman dan pengeluaran padi dan beras** pula, Beta sangat yakin, agensi-agensi yang berkaitan, akan secara berterusan memberikan perhatian dan keutamaan bagi melonjakkan keluaran padi dan beras di negara ini.

Sehubungan itu, Beta telah pun memperkenalkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif baru untuk meningkatkan lagi pengeluaran padi dan beras negara.

Pertama, Beta telah memperkenalkan projek penanaman benih padi hibrid varieti berhasil tinggi (*high yielding hybrid variety*) yang dikenali sebagai "Padi Sembada" pada tahun ini, yang mampu untuk menghasilkan 6 tan metrik padi setiap satu hektar dalam satu musim, berbanding benih padi yang ada sekarang yang hanya mampu menghasilkan 3 tan metrik padi setiap satu hektar dalam satu musim. Ini akan diikuti juga dengan penanaman benih "Padi Titih" yang boleh menghasilkan 8.5 tan metrik pada setiap satu hektar dalam satu musim. Benih-benih padi berkenaan akan ditanam secara meluas di kawasan-kawasan yang mempunyai sistem pengairan yang lengkap.

Kedua, Beta juga telah memperkenalkan projek pembukaan kawasan baru bagi penanaman padi secara komersial, iaitu kawasan Kandol, Daerah Belait yang berkeluasan 500 hektar. Kawasan ini akan dilengkapi dengan infrastruktur-infrastruktur yang bersesuaian."



## 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Petikan Titah:

### **Majlis Sambutan Hari Raya `Idil Fitri Bagi Tahun 1441/2019 Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

“Beta gembira mengalu-alukan kehadiran para peserta yang terdiri daripada para petani, peniaga, pengusaha dan termasuk para belia dan pelajar yang terlibat dalam memajukan sektor pertanian. Mereka ini memikul peranan penting dalam mengembangmajukan sektor ini di Negara Brunei Darussalam. Beta juga mengalu-alukan konsep mempertemukan para pengeluar dan pengusaha hasil pertanian dengan peniaga (perusahaan dan supermarket). Ini boleh membantu memasarkan hasil pertanian dengan lebih berkesan.”

Petikan Titah:


### **Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14 Bagi Tahun 2019**

“Di masa akhir-akhir ini, Beta turut berbesar hati atas komitmen tinggi para belia terhadap pembangunan negara. Ini bukan sahaja melalui pelbagai penglibatan dan inisiatif, bahkan juga turut menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar-dasar Kerajaan, seperti melalui Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan rebiu Dasar Belia Negara. Juga semakin menonjol, para belia sekarang sudah turut meminati bidang pertanian dan agri makanan, sebagai satu pilihan perusahaan. Ini sangatlah bagus, kerana bidang pertanian berpotensi untuk dikembangkan, lebih-lebih lagi sesuai dengan keupayaan para belia untuk menggunakan kaedah-kaedah baru, yang dilihat mungkin mudah untuk meningkatkan produktiviti dan sekaligus menembusi pasaran luar negara. Para belia berhak untuk menerima ucapan syabas kerana menyahut cabaran menyertai Program Pendedahan Pertanian dan Perladangan berskala besar.”


# 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

## 2.2 PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG PERLU DIPERCEPATKAN


Pertumbuhan Ekonomi Perlahan (2001-2019) – Harga Tetap



Keluaran Dalam Negara Kasar Yang Lemah (2001-2019) – Harga Semasa



Penurunan Pengeluaran Minyak (2001-2019)








## 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELAN CONGGAN

### 2.2 PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG PERLU DIPERCEPATKAN

Pertumbuhan KDNK NBD Rendah Berbanding 'ASEAN-5' Dan 'Dunia'






# 2. ASAS PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN


## 2.2 PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG PERLU DIPERCEPATKAN

**MEMPERLUASKAN DAN MEMPELBAGAIKAN ASAS EKONOMI BAGI MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA SEKTOR MINYAK DAN GAS SERTA MENINGKATKAN KELUARAN INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN BAGI MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN KDNK**

- ❑ Ekonomi NBD adalah sekitar BND 18.37 bilion pada harga semasa bagi tahun 2019, berbanding BND 18.30 billion bagi tahun 2018.
- ❑ Dengan penduduk kira-kira 459,500 orang, KDNK per kapita pada tahun 2019 adalah BND 39,989 berbanding BND 41,367 bagi tahun 2018.
- ❑ Pada harga semasa, sektor minyak dan gas menyumbang 52.4% daripada KDNK pada tahun 2019, berbanding 57.8% bagi tahun 2018.



**Sektor Sumber-Sumber Utama (Pertanian, Perikanan & Perhutanan) menyumbang BND181.2 juta (1%) dan Sektor Pelancongan (Hotel dan Restoran) menyumbang BND208.7 juta (1%) kepada KDNK Bagi Tahun 2019**



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



### 2.3 WAWASAN BRUNEI 2035

Wawasan Brunei 2035 menghasratkan NBD menjadi sebuah negara dikenali di seluruh dunia sebagai **sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan** yang disukat dari sudut kedudukan 10 negara teratas di dunia dari segi pendapatan per kapita.



### 3. VISI DAN MISI

#### VISI

**Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Yang Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi demi Mencapai Wawasan Brunei 2035**

#### MISI

**Meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan dan kepelbagaian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara, dan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi bagi memenuhi permintaan domestik dan pasaran eksport**



## 4. NILAI-NILAI UTAMA

### 1 PROGRESIF

Memacu pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama secara signifikan dan berterusan bagi meningkatkan tahap sara diri sehingga dapat menembusi pasaran eksport melalui peningkatan produktiviti

### 2 OBJEKTIF

Mempunyai sasaran yang jelas, realistik dan jangkamasa pelaksanaan yang segera

### 3 CEKAP & MAHIR

Sebarang cadangan adalah berasaskan fakta yang betul dan analisa yang kukuh dengan penggunaan I.T yang meluas

### 4 PEMIKIRAN STRATEGIK

Berfikir secara strategik dan bijak (*thinking outside the box*) untuk mendokong usaha meningkatkan keluaran yang berdayatahan dan bagi menangani sebarang masalah yang dihadapi

### 5 ADIL & TELUS

Mengutamakan pengusaha yang progresif, produktif dan mempunyai kesungguhan untuk memajukan perusahaan melalui kaedah penilaian yang sistematik dan telus

### 6 PEMEDULIAN

Memeduli keperluan dan kehendak pengusaha-pengusaha termasuk pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dengan memberikan nasihat dan tunjuk ajar secara berterusan



## 5. TERAS STRATEGIK

### **Pertumbuhan (*Growth*)**

“...Beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan kita menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas.”

(Petikan Titah KDYMM Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016)



### **Eksport**

“...Kita mustahak ingat, bahawa pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk mensasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai eksport.”

(Petikan Titah KDYMM Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016)



### **Produktiviti**

“...Peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh dicapai dengan memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti, melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini.”

(Petikan Titah KDYMM Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016)



### **Berdayatahan (*Sustainable*)**

KSSUP juga akan memastikan bahawa dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri berkenaan, berbagai usaha akan dilakukan untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan Kerajaan seperti melalui *Public Private Partnership* (PPP) dan lain-lain.





## 6. MATLAMAT STRATEGIK

1

Meningkatkan sumbangan keluaran industri pertanian, perikanan, perhutanan dan industri pelancongan kepada pertumbuhan KDNK

2

Meningkatkan jumlah keluaran dan nilai eksport keluaran dari industri pertanian, perikanan dan perhutanan

3

Meningkatkan produktiviti industri pertanian, perikanan dan perhutanan melalui penggunaan teknologi dan teknik moden secara meluas

4

Mengurangkan kebergantungan ke atas import barang makanan tetapi bersikap terbuka dengan peningkatan impot bahan bagi industri pemprosesan

5

Meningkatkan pendapatan negara melalui pertukaran asing yang dijana daripada aktiviti eksport dan daripada industri pelancongan

6

Meningkatkan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong dan pertumbuhan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

7

Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan

8

Mengurangkan kebergantungan kepada perbelanjaan Kerajaan dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti melalui *Public-Private Partnership (PPP)* dan lain-lain



## **7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA**






## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.1 PRESTASI PENCAPAIAN KELUARAN KASAR INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2019

**RAJAH 1: KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN & AGRIMAKANAN, PERIKANAN DAN PERHUTANAN BAGI TEMPOH 2015-2019 SECARA KESELURUHANNYA TUMBUH PADA KADAR 1.22% SETAHUN IAITU DARI \$552.38 JUTA (2015) KEPADA \$579.87 JUTA (2019)**






# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.1.1 PRESTASI KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN & AGRIMAKANAN (2015-2019)

**RAJAH 2: NILAI KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN & AGRIMAKANAN BAGI TEMPOH 2015-2019 TUMBUH PADA KADAR 1.99% SETAHUN IAITU DARI \$396.40 JUTA (2015) KEPADA \$428. 89 JUTA (2019)**



### Kadar Pertumbuhan Keluaran (2015-2019)

- ❑ TERNAKAN Tumbuh pada kadar **1.07 %** setahun
- ❑ TANAMAN Tumbuh pada kadar **0.25 %** setahun
- ❑ AGRIMAKANAN Tumbuh pada kadar **4.64 %** setahun


- Kadar pertumbuhan industri ternakan (1.07% setahun) dan tanaman (0.25% setahun) secara amnya walaupun mencatatkan kadar pertumbuhan yang positif tetapi ianya adalah masih perlahan. Diantara penyebabnya adalah:
  - Penularan wabak penyakit Avian Influenza pada penghujung tahun 2018 yang dialami oleh syarikat pembekal luar negara yang menyebabkan bekalan stok anak ayam dan telur ayam berbenih terganggu dan menjejaskan industri ternakan khususnya industri ayam pedaging;
  - Kebanyakan peladang menukar jenis tanaman dari sayur ke tanaman buah-buahan yang menjejaskan keluaran industri sayur-sayuran.



# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.1.2 PRESTASI KELUARAN KASAR INDUSTRI PERIKANAN (2015-2019)

**RAJAH 3: NILAI KELUARAN KASAR INDUSTRI PERIKANAN BAGI TEMPOH 2015-2019 MENURUN PADA KADAR -2.50% SETAHUN IAITU DARI \$110.83 JUTA (2015) KEPADA \$100.15 JUTA (2019)**



### Kadar Pertumbuhan Keluaran (2015-2019)

- PENANGKAPAN IKAN** Menurun pada kadar **-3.38 %** setahun
- AKUAKULTUR** Tumbuh pada kadar **1.56 %** setahun
- PEMROSESAN IKAN** Menurun pada kadar **-0.65 %** setahun


- Kadar pertumbuhan industri penangkapan ikan dan pemprosesan ikan menurun masing-masing pada kadar 3.38% dan 0.65%. Antara punca penurunan:
  - Jumlah operasi penangkapan ikan yang menurun disebabkan kerosakan dan pemeliharaan kapal dan juga penurunan bilangan nelayan kecil-kecilan, yang mana ini secara tidak langsung menyumbang kepada penurunan kadar pertumbuhan industri pemprosesan ikan.
  - Bagi industri akuakultur, walaupun mencatatkan pertumbuhan yang positif, ianya masih ditahap rendah. Ini adalah disebabkan oleh penurunan aktiviti penternakan udang rostris diseluruh negara berikutan terdapatnya tanda serangan wabak penyakit di kolam-kolam pengusaha. Kolam terpaksa direhatkan untuk beberapa kitaran sebagai langkah pengawalan. Perkara ini juga secara tidak langsung memberikan impak kepada pertumbuhan industri pemprosesan ikan.



# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.1.3 PRESTASI KELUARAN KASAR INDUSTRI PERHUTANAN (2015-2019)

**RAJAH 4: KELUARAN KASAR INDUSTRI PERHUTANAN BAGI TEMPOH 2015-2019 TUMBUH PADA KADAR 3.04% SETAHUN IAITU DARI \$45.09 JUTA (2015) KEPADA \$50.83 JUTA (2019)**



### Kadar Pertumbuhan Keluaran (2015-2019)

□ PEMROSESAN PRIMER  Tumbuh pada kadar **0.98 %** setahun

□ HILIRAN & NILAI TAMBAH  Tumbuh pada kadar **18.09 %** setahun


- Industri hiliran dan nilai tambah meningkat secara signifikan disebabkan oleh peningkatan jumlah syarikat-syarikat hiliran yang mula bergiat di dalam industri ini dan juga peningkatan keluaran syarikat-syarikat hiliran yang sedia ada.



# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.1.4 PRESTASI KELUARAN KASAR INDUSTRI PADI (2015-2019)

**RAJAH 5: KELUARAN DAN PRODUKTIVITI INDUSTRI PADI BAGI TEMPANH 2015-2019 MASING-MASING MENURUN PADA KADAR -5.69% SETAHUN DAN -2.93% SETAHUN**



- Keluaran dan produktiviti industri padi bagi tempoh 2015-2019 masing-masing menurun pada kadar **-5.69%** setahun iaitu dari **3,051.06 MT (2015)** kepada **2,413.2 MT (2019)** dan **-2.93%** setahun iaitu dari **2.34 MT/Ha (2015)** kepada **2.08 MT/Ha (2019)**.
- Penurunan ini adalah disebabkan oleh:
  - Kelambatan pembekalan benih Sembada188 kepada peladang-peladang akibat tambahan rawatan yang diperlukan iaitu pembasmian cacing *nematode*, sejenis musuh perosak tanaman. Kelambatan ini telah menyebabkan penundaan waktu penanaman padi dan menjejaskan pengeluaran padi bagi tahun 2019.
  - Padi varieti MRQ76 mengalami masalah dalam pengeluaran tangkai padi (*panicle exertion*) di mana tangkai padi tidak keluar dengan sepenuhnya yang berkemungkinan berpunca dari virus tanaman yang menyebabkan penyakit *ragged stunt*.

Nota: Tuaian padi biasanya dilakukan sebanyak 3 kali setahun pada tahun 2015 tetapi semenjak padi diserang penyakit pada tahun 2016, tuaian padi dikurangkan menjadi 2 kali setahun.



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.2 PRESTASI SARA DIRI BAGI TAHUN 2015 - 2019


- i. Bagi sektor ternakan, negara secara purata hampir mencapai tahap 100% sara diri dalam bekalan ayam pedaging (*whole chicken*) dan 100% sara diri bagi telur ayam. Manakala bagi komoditi yang lain, tahap sara diri masih rendah. (Rajah 6)
- ii. Bagi sektor tanaman, negara secara purata hampir mencapai sekitar 80% sara diri bagi bekalan sayur-sayuran jenis tropika dan sekitar 40% sara diri bagi bekalan buah-buahan tropika. (Rajah 7)
- iii. Bagi sektor padi (beras), negara secara purata mencapai sekitar 5% sara diri. (Rajah 8)
- iv. Bagi sektor perikanan, negara secara purata mencapai sekitar 83% sara diri. (Rajah 9)



# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.2 PRESTASI SARA DIRI (2015-2019)

**RAJAH 6:** KELUARAN BAGI INDUSTRI AYAM PEDAGING DAN TELUR AYAM SECARA PURATA HAMPIR MENCAPAI **100%** SARA DIRI




	2015	2016	2017	2018	2019
■ Ayam Pedaging	93.96	95.81	93.52	89.45	94.68
■ Telur Ayam	98.43	99.57	100	100	100
■ Daging Kerbau & Lembu	3.92	1.47	1.7	29.27	31.48
■ Daging Kambing & Biri-Biri	4.72	4.08	3.23	6.38	9.99
■ Penetesan Anak Ayam	97.76	95.31	92.2	87.59	88.12
■ Telur Berbenih	59.69	63.99	71.63	68.61	61.98
■ Makanan Ternakan	61.21	45	33.17	42.96	43.21



# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.2 PRESTASI SARA DIRI (2015-2019)

**RAJAH 7:** KELUARAN BAGI INDUSTRI SAYUR DAN BUAH JENIS TROPIKA MASING-MASING SECARA PURATA HAMPIR MENCAPAI SEKITAR **80%** DAN **50%** SARA DIRI



Sayur Tropika (MT)	12981.1	13952.2	13265.2	11039.6	9529.6
Buah Tropika (MT)	6262	5791	6622.5	9752.1	9816.6
Sara Diri Sayur Tropika (%)	79.3	82.4	79.4	76.1	76.6
Sara Diri Buah Tropika (%)	37.5	37.5	37.7	47.2	49.9






# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.2 PRESTASI SARA DIRI (2015-2019)

**RAJAH 8:** KELUARAN INDUSTRI PADI (BERAS) SECARA PURATA MENCAPAI SEKITAR **5%** SARA DIRI






# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.2 PRESTASI SARA DIRI (2015-2019)

**RAJAH 9:** KELUARAN SEKTOR PERIKANAN (PENANGKAPAN IKAN DAN AKUAKULTUR) SECARA PURATA MENCAPAI SEKITAR **83%** SARA DIRI






# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.3 PRESTASI EKSPORT (2015-2019)

**RAJAH 10: NILAI EKSPORT BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA ADALAH SEBANYAK \$12.09 JUTA BAGI TAHUN 2019 IAITU MENINGKAT PADA KADAR 18.27% SETAHUN**



## PENCAPAIAN EKSPORT (2019)


### EKSPORT INDUSTRI PERTANIAN



### EKSPORT INDUSTRI PERIKANAN



### EKSPORT INDUSTRI PERHUTANAN






# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.4 JUMLAH PEKERJAAN SUMBER-SUMBER UTAMA (2016-2019)

**RAJAH 11: JUMLAH TENAGA KERJA BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER BAGI TAHUN 2016 - 2019 MENINGKAT PADA KADAR 3.28% SETAHUN**



	2016	2017	2018	2019
■ Pertanian & Agrimakanan	6793	7685	8293	7921
■ Perikanan	2987	3065	3235	2990
■ Perhutanan	639	589	765	566
■ Jumlah	10419	11339	12293	11477

**Jumlah tenaga kerja tahun 2019:**

**Pertanian:**

- **Pekerja Tempatan 43%** (3,408 orang)
- **Pekerja Asing 57%** (4,513 orang)

**Perikanan:**

- **Pekerja Tempatan 71%** (2,121 orang)
- **Pekerja Asing 29%** (869 orang)

**Perhutanan:**

- **Pekerja Tempatan 22%** (126 orang)
- **Pekerja Asing 78%** (440 orang)



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.5 ISU DAN CABARAN INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

- i. Penglibatan anak-anak tempatan termasuk generasi baru untuk mempelopori perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan industri sumber-sumber utama masih di tahap rendah;
- ii. Sikap pengusaha yang selesa dengan pencapaian yang sedia ada (*complacent*) dan *mindset* yang tidak mempunyai perancangan serta kesungguhan untuk berkembang;
- iii. Kebanyakan perusahaan berskala kecil dengan produktiviti yang rendah menyebabkan kos pengeluaran tinggi dan tidak ekonomikal;
- iv. Sumber kewangan dan modal yang tidak mencukupi untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan;
- v. Kebanyakan pengusaha kurang arif dalam penyediaan pelan perniagaan dan buku kira-kira menyebabkan kesukaran mendapatkan sumber pembiayaan dari institusi kewangan tempatan;
- vi. Akses pasaran yang terhad disebabkan rangkaian pasaran (*market network*) pengusaha-pengusaha sedia ada belum kukuh dan mantap;



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.5 ISU DAN CABARAN INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

- vii. Keperluan bahan input bagi industri sumber-sumber utama masih banyak bergantung kepada sumber import yang mempunyai risiko terdedah kepada serangan musuh perosak dan penyakit yang boleh menyebabkan pertumbuhan industri dalam negara terjejas; dan
- viii. Persaingan dengan bekalan import yang menawarkan harga yang lebih murah dari harga keluaran tempatan.



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.6 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

#### **Penglibatan Anak-anak Tempatan Yang Rendah Dan Sikap Pengusaha Yang *Complacent* Serta *Mindset* yang Tidak Progresif**

i. Memperkenalkan dan melaksanakan program-program serta inisiatif-inisiatif bagi menarik minat dan menggalakkan penglibatan generasi baru serta mengubah *mindset* pengusaha sedia ada agar sentiasa ingin berkembang bagi memajukan perusahaan;

#### **Kebanyakan Perusahaan Berskala Kecil**

ii. Menggalakkan perusahaan berskala besar dan mengoptimalkan penggunaan tapak-tapak industri yang sedia ada melalui penggunaan baka ternakan ataupun varieti tanaman hasil tinggi dan berkualiti, penggunaan teknologi moden serta amalan terbaik bagi meningkatkan produktiviti perusahaan dan mengurangkan unit kos pengeluaran. Kementerian juga menggiring para peladang supaya lebih bersedia bagi mengembangluaskan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perladangan melalui penambahan keluasan tanah untuk diusahakan (*expansion*).

#### **Kebanyakan Pengusaha Kurang Arif Dalam Penyediaan Pelan Perniagaan Dan Penyediaan Buku Kira-kira**

iii. Membimbing pengusaha kecil dalam menyediakan pelan perniagaan (*business plan*) dan buku kira-kira bagi sebarang aktiviti berkaitan sumber-sumber utama dan pelancongan;

#### **Sumber Kewangan Yang Tidak Mencukupi**

iv. Meneroka modal niaga (*business model*) dimana penyertaan pelabur-pelabur tempatan dan asing digalakkan untuk mengadakan usahasama dengan pengusaha tempatan melalui kaedah seperti *'venture capital'*, *'contract farming'* dan lain-lain. Melalui urusan niaga sedemikian, ini akan dapat memberi faedah positif dari aspek pemindahan teknologi dan kepakaran, termasuklah juga suntikan pelaburan dan modal untuk mengembangkan perusahaan;



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.6 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

#### **Akses Pasaran Yang Terhad Dan Belum Kukuh**

- v. Menggalakkan penglibatan pelabur langsung asing untuk berkerjasama dengan pengusaha tempatan bagi memastikan pengusaha tempatan meraih faedah laluan pasaran (*market access*) untuk eksport dengan menggunakan rangkaian pasaran (*market network*) mereka yang sedia ada;

#### **Bahan Input Yang Masih Banyak Bergantung Dari Sumber Import Yang Mempunyai Risiko Terdedah Pada Serangan Musuh Perosak dan Penyakit**

- vi. Menggalakkan pengusaha tempatan untuk meneroka peluang dan berkecimpung dalam perusahaan bagi menghasilkan sumber bahan input pertanian dan perikanan ke arah memastikan pembekalan bahan input dalam negeri adalah terjamin dan tidak terlalu bergantung kepada import;
- vii. Memastikan pemantauan dan kawalan secara berterusan dari aspek biosekuriti bagi memastikan sumber bahan input pertanian dan perikanan yang di import adalah bebas dari serangan penyakit dan musuh perosak, termasuk bagi memastikan sumber makanan berasaskan pertanian dan perikanan yang diimport dan dihasilkan dalam negeri juga adalah bebas dari serangan penyakit dan musuh perosak serta dijamin bersih, selamat dan berkualiti;

#### **Persaingan Dengan Bekalan Import Yang Menawarkan Harga Yang Lebih Murah**

- viii. Menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk memberikan keutamaan dan penekanan kepada menghasilkan jenis-jenis tanaman dan komoditi yang bernilai tinggi dengan menerapkan amalan-amalan perladangan terbaik, yang mana dijamin bersih, selamat dan berkualiti.





## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.7 ISU DAN CABARAN INDUSTRI PADI

- i. Kekurangan sistem pengairan dan saluran yang lengkap yang mana mempunyai risiko menjejaskan pengeluaran hasil tanaman seperti semasa musim kemarau yang berpanjangan, contohnya, kemarau berpanjangan yang sering terjadi sejak tahun 2016 hingga tahun 2019 dan juga telah menjejaskan paras air di Empangan Imang;
- ii. Tanah di Negara Brunei Darussalam kebanyakannya adalah jenis masam iaitu mengandungi asid sulfat yang mengganggu pengeluaran hasil tanaman dan penanaman jenis varieti padi yang ada pada masa ini tidak menghasilkan pengeluaran yang tinggi. Ini menyebabkan keperluan bagi rawatan tanah masam asid sulfat yang mana memerlukan masa yang panjang, penggunaan jumlah baja kapur yang tinggi dan air yang banyak; dan
- iii. Pengurusan ladang-ladang yang kurang sistematik seperti pengawalan rumput-rumpai yang tidak memuaskan termasuk serangan burung pipit menyebabkan tanaman dicemari oleh penyakit dan musuh perosak.



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.8 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN INDUSTRI PADI

#### **Kekurangan sistem pengairan dan saluran yang lengkap**

- i. Meningkatkan sumber pengairan di tapak penanaman padi melalui peningkatan infrastruktur seperti pembaikan empangan (*reservoir*), saluran paip (*Irrigation Pipeline*) dan pembesaran kapasiti sistem pengairan (*irrigation expansion*);
- ii. Mengadakan sumber pengairan alternatif iaitu melalui penerokaan air bawah tanah dan pembinaan telaga bagi kawasan-kawasan yang dikenalpasti seperti Bebuloh di Daerah Brunei dan Muara; Lubok Gusi di Daerah Tutong, Lot Sengkuang di Daerah Belait, Lekiun-Perdayan dan Senukoh di Daerah Temburong;

#### **Tanah Masam Asid Sulfat dan penanaman jenis varieti padi yang ada pada masa ini tidak menghasilkan pengeluaran yang tinggi**

- iii. Menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dengan agensi-agensi luar bagi mengenalpasti varieti-varieti padi berhasil tinggi iaitu sehingga mencapai 12mt/ha/musim, yang sesuai untuk ditanam secara meluas di Negara Brunei Darussalam. Agensi-agensi luar yang telah dikenalpasti adalah Yuan Long Ping High-Tech Agriculture Co. Ltd daripada Republik Rakyat China dan International Rice Research Institute yang berpangkalan di Republik Filipina bagi varieti-varieti padi berhasil tinggi dan Negara Thailand bagi pengurusan tanah masam asid sulfat dan pengurusan air yang lebih efektif;
- iv. Menggalakkan penanaman padi hibrid berhasil tinggi seperti Sembada188 dan seterusnya Titih di kawasan-kawasan sedia ada yang sesuai dan mempunyai sistem pengairan dan saluran yang lengkap bagi meningkatkan produktiviti padi;



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.8 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN INDUSTRI PADI

#### **Pengurusan Ladang Yang Kurang Sistematik**

- v. Pengurusan ladang-ladang yang lebih sistematik dengan menjalankan program-program pemantauan ladang termasuk penganjuran Program Sekolah Perladangan Pengusaha Padi bagi memberi latihan dan pendidikan amalan terbaik yang berterusan dalam pengurusan padi untuk mengesan awal sebarang masalah dan mengatasinya dengan segera; dan
- vi. Menyediakan perkhidmatan analisa tanah dan tanaman secara percuma kepada peladang bukan komersial bagi mengesan masalah tanah atau penyakit dan musuh tanaman untuk mendukung pengeluaran tanaman yang sihat dan pengeluaran hasil yang tinggi.



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.9 SASARAN DAN HALATUJU

Penekanan adalah untuk memastikan adanya pertumbuhan dan kepelbagaian keluaran dari industri-industri pertanian, perikanan dan perhutanan dengan menggalakkan penyertaan pelaburan dari dalam dan luar negara; memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti dan penggunaan teknologi tinggi; serta bagi memenuhi permintaan domestik dan pasaran eksport.

#### **Sasaran dan Trajektori Industri Sumber-Sumber Utama dan Padi (2020-2022):**


- i. Keluaran kasar industri sumber-sumber utama secara keseluruhan disasarkan tumbuh pada purata 8.84% setahun (2020-2022) dan bernilai \$747.64 juta menjelang tahun 2022 (Rajah 12); dan
- ii. Purata pertumbuhan tahunan keluaran kasar industri pertanian dan agrimakanan, perikanan dan perhutanan disasarkan masing-masing 6.49%, 20.63% dan 1.97% bagi tempoh 2020-2022 (Rajah 13, 14 dan 15).
- iii. Keluaran industri Padi disasarkan tumbuh pada purata **17.35% setahun** (2020-2022) iaitu mencapai **3,900MT** dengan kadar produktiviti **2.69 MT/hektar** menjelang tahun 2022 (Rajah 16).



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.9.1 SASARAN KELUARAN KASAR BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA BAGI TAHUN 2020-2022

**RAJAH 12: KELUARAN KASAR INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA DISASARKAN TUMBUH DARIPADA \$579.87 JUTA (2019) KEPADA \$747.64 JUTA (2022) IAITU PADA KADAR 8.84% SETAHUN**




	2019	2020 (sasaran)	2021 (sasaran)	2022 (sasaran)
■ Pertanian & Agrimakanan	428.89	461.78	481.44	517.95
■ Perikanan	100.15	131.12	163.60	175.80
■ Perhutanan	50.83	51.80	52.83	53.89
■ Jumlah	579.87	644.70	697.87	747.64



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.9.2 SASARAN KELUARAN KASAR BAGI INDUSTRI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN BAGI TAHUN 2020-2022

**RAJAH 13:** KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DISASARKAN TUMBUH DARIPADA **\$428.89 JUTA** (2019) KEPADA **\$517.95 JUTA** (2022) IAITU PADA KADAR **6.49% SETAHUN**






## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.9.3 SASARAN KELUARAN KASAR BAGI INDUSTRI PERIKANAN BAGI TAHUN 2020-2022

**RAJAH 14:** KELUARAN KASAR INDUSTRI PERIKANAN BAGI TEMPOH 2019-2022  
DISASARKAN TUMBUH DARIPADA **\$100.15 JUTA** (2019) KEPADA **\$175.80 JUTA** (2022)  
IAITU PERTUMBUHAN PADA KADAR **20.63% SETAHUN**






## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.9.4 SASARAN KELUARAN KASAR BAGI INDUSTRI PERHUTANAN BAGI TAHUN 2020-2022

**RAJAH 15:** KELUARAN KASAR INDUSTRI PERHUTANAN DISASARKAN TUMBUH DARIPADA **\$50.83 JUTA** (2019) KEPADA **\$53.89 JUTA** (2022) IAITU PERTUMBUHAN PADA KADAR **1.97% SETAHUN**



■ Pemrosesan Primer	42.35	43.20	44.06	44.94
■ Hiliran & Nilai Tambah	8.48	8.60	8.77	8.95
■ Jumlah	50.83	51.80	52.83	53.89

2019

2020 (sasaran)

2021 (sasaran)

2022 (sasaran)

42.35

43.20

44.06

44.94

8.48

8.60

8.77

8.95

50.83

51.80

52.83

53.89






## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.9.5 SASARAN KELUARAN KASAR BAGI INDUSTRI PADI BAGI TAHUN 2020-2022

**RAJAH 16:** KELUARAN INDUSTRI PADI DISASARKAN TUMBUH PADA KADAR **17.35% SETAHUN** IAITU DARI **2,413.2 MT** (2019) KEPADA **3,900 MT** (2022) DENGAN KADAR PRODUKTIVITI **2.69 MT/HEKTAR** MENJELANG TAHUN 2022





## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.10 SASARAN SARA DIRI BAGI TAHUN 2020-2022


- i. Bagi sektor ternakan, sara diri bagi komoditi ayam pedaging disasarkan mencapai sekitar 98%, daging kerbau dan lembu sekitar 70%, daging kambing dan biri-biri sekitar 18%, penetasan anak ayam sekitar 91%, telur berbenih sekitar 64% dan makanan ternakan sekitar 45% menjelang tahun 2022. (Rajah 17)
- ii. Bagi sektor tanaman, sara diri bagi sayur-sayuran jenis tropika dan buah-buahan tropika masing-masing disasarkan sekitar 89.5% dan 60.3% menjelang tahun 2022. (Rajah 18)
- iii. Bagi sektor padi (beras), negara mensasarkan mencapai sara diri sekitar 7.56% menjelang tahun 2022. (Rajah 19)
- iv. Bagi sektor perikanan, negara mensasarkan mencapai sara diri sekitar 89% menjelang tahun 2022. (Rajah 20)



# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.10 SASARAN SARA DIRI (2020-2022)

**RAJAH 17: SASARAN SARA DIRI BAGI SEKTOR TERNAKAN**






## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.10 SASARAN SARA DIRI (2020-2022)

**RAJAH 18: SARA DIRI BAGI KOMODITI SAYUR DAN BUAH TROPIKA MASING-MASING DISASARKAN MENINGKAT SEBANYAK **89.5%** DAN **60.3%** MENJELANG TAHUN 2022**




Sayur Tropika (MT)	12153.5	12942.3	13782.3
Buah Tropika (MT)	10453.7	11132.1	11854.6
Sara Diri Sayur Tropika (%)	79.0	84.1	89.5
Sara Diri Buah Tropika (%)	53.1	56.6	60.3



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.10 SASARAN SARA DIRI (2020-2022)






## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.10 SASARAN SARA DIRI (2020-2022)

**RAJAH 20:** SASARAN SARA DIRI SEKTOR PERIKANAN MENCAPAI SEKITAR **89%** MENJELANG TAHUN 2022




Penangkapan Ikan (MT)	13,724.58	14,677.06	17,704.94	21,357.47
Akuakultur (MT)	973.99	1,157.38	1,396.15	1,684.17
Sara Diri	83	85	87	89



## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.11 SASARAN EKSPORT (2020-2022)

**RAJAH 21:** NILAI EKSPORT BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA DISASARKAN TUMBUH SEBANYAK **\$41.45 JUTA** IAITU PADA KADAR **50.79 %** MENJELANG TAHUN 2022






# 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

## 7.12 UNJURAN PEKERJAAN (2020-2022)

**RAJAH 22: JUMLAH PELUANG PEKERJAAN BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER DIUNJURKAN TUMBUH SEBANYAK **12,158** PEKERJAAN IAITU PADA KADAR **1.94% MENJELANG TAHUN 2022****



	2019	2020 (sasaran)	2021 (sasaran)	2022 (sasaran)
■ Pertanian & Agrimakanan	7921	8129	8343	8563
■ Perikanan	2990	3002	3014	3026
■ Perhutanan	566	567	568	570
■ Jumlah	11477	11698	11925	12158

### Anggaran Jumlah Pekerja Tempatan Menjelang Tahun 2022:

#### Pertanian:

- Pekerja Tempatan: **43%** (3,682 orang)
- Pekerja Asing: **57%** (4,881 orang)

#### Perikanan:

- Pekerja Tempatan **71%** (2,148 orang)
- Pekerja Asing: **29%** (878 orang)

#### Perhutanan:


- Pekerja Tempatan **22%** (125 orang)
- Pekerja Asing: **78%** (445 orang)





## 7. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 7.13 PELAN TINDAKAN KE ARAH MENCAPAI SASARAN PERTUMBUHAN KELUARAN KASAR INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA



WAWASAN 2035	EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN		
VISI KSSUP	Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan Yang Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi Demi Mencapai Wawasan Brunei 2035.		
PELAN STRATEGIK KSSUP	Meningkatkan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama Dari B\$579.87 Juta Pada Tahun 2019 Kepada <b>B\$747.64 Juta</b> Menjelang Tahun 2022 Iaitu Dengan Kadar Pertumbuhan <b>8.84% Setahun</b>		
PELAN STRATEGIK SEKTORAL	PERTANIAN & AGRIMAKANAN	PERIKANAN	PERHUTANAN
	Meningkatkan Keluaran Industri Pertanian & Agrimakanan Dari B\$428.89 Juta Pada Tahun 2019 Kepada <b>B\$517.95 Juta</b> Iaitu Dengan Kadar Pertumbuhan <b>6.49% Setahun</b> Menjelang Tahun 2022	Meningkatkan Keluaran Industri Perikanan Dari B\$100.15 Juta Pada Tahun 2019 Kepada <b>B\$175.80 Juta</b> Iaitu Dengan Kadar Pertumbuhan <b>20.63% Setahun</b> Menjelang Tahun 2022	Meningkatkan Keluaran Industri Perhutanan Dari B\$50.83 Juta Pada Tahun 2019 Kepada <b>B\$53.89 Juta</b> Iaitu Dengan Kadar Pertumbuhan <b>1.97% Setahun</b> Menjelang Tahun 2022



## **8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN**



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.1 PRESTASI PENCAPAIAN INDUSTRI PELANCONGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2019


- i. Bilangan pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam melalui udara bagi tempoh 2015-2019 meningkat dari 218,213 pelancong (2015) kepada 333,244 pelancong (2019), iaitu tumbuh pada kadar purata 11.17% setahun (Rajah 23);
- ii. Pendapatan pelancongan bagi tempoh 2015-2019 meningkat dari \$69.61 juta (2015) kepada \$113.07 juta (2019), iaitu tumbuh pada kadar 12.89% setahun (Rajah 23); dan
- iii. Purata kadar penginapan bagi perhotelan dan tempoh penginapan (2015 – 2019) adalah masing-masing sebanyak 37.0% dan 2.26 hari (Rajah 24);



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.1 PRESTASI PENCAPAIAN INDUSTRI PELANCONGAN BAGI TEMPOH DARI TAHUN 2015 HINGGA 2019

**RAJAH 23.** JUMLAH KETIBAAN PELANCONG MELALUI UDARA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN PENDAPATAN PELANCONG BAGI TEMPOH 2015-2019 MASING-MASING SECARA PURATA MENINGKAT **11.17%** SETAHUN DAN **12.89%** SETAHUN



#### NOTA:

- Pengenalan perkhidmatan baharu dan berterusan melalui Penerbangan DiRaja Brunei (RB) bagi pelancong-pelancong daripada pasaran seperti Changsa, Haikou, Beijing di Republik Rakyat China, Narita di Jepun, Brisbane di Australia dan Taipei; dan kawasan Borneo iaitu Bintulu, Tawau, Sibul, Sandakan dan Balikpapan;
- Pengenalan kepada penambahan jumlah kekerapan penerbangan (*flight frequency*) Nanning di Republik Rakyat China dan Republik Korea.


Ketibaan Pelancong (orang)	218,213	218,809	258,955	278,136	333,244
Pendapatan Pelancongan (B\$ Juta)	\$69.61	\$69.80	\$82.61	\$93.97	\$113.07



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.1 PRESTASI PENCAPAIAN INDUSTRI PELANCONGAN BAGI TEMPOH DARI TAHUN 2015 HINGGA 2019

**RAJAH 24 – PURATA KADAR PENGINAPAN BAGI PERHOTELAN DAN TEMPOH PENGINAPAN (2015 – 2019) ADALAH MASING-MASING SEBANYAK 37.0% DAN 2.26 HARI**



**Nota:**

\* Tempoh Penginapan adalah berdasarkan kepada ketibaan pelancong melalui udara dan yang menginap di hotel sahaja dengan berbagai tujuan lawatan

\*\* AOR – *Average Occupancy Rate*


Prestasi (AOR**)	2018	2019	Growth (Y-O-Y)
22 buah hotel dan apartmen sahaja	34.1%	35.8%	+5.0%
Sumbangan dari 5 buah hotel dan apartmen teratas	60.2%	63.5%	+5.5%



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA

### 8.2 JUMLAH PEKERJAAN DALAM SEKTOR PELANCONGAN (2016-2019)

**RAJAH 25 – JUMLAH PEKERJAAN DALAM SEKTOR PELANCONGAN MENINGKAT KEPADA 3,219 PEKERJAAN IAITU PADA KADAR 2.92% SETAHUN**



**Bagi tahun 2019:**

- **Pekerja Tempatan 69%**  
(2,225 orang)
- **Pekerja Asing 31%**  
(994 orang)

Note: Berdasar kepada Premis Penginapan, Ejen Pelancongan dan Pemandu Pelancong (*Freelance*)

Sumber:  
Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Premis Penginapan dan Ejen Pelancongan di Negara Brunei Darussalam



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.3 ISU DAN CABARAN

- i. Produk-produk pelancongan yang masih boleh diperbaiki;
- ii. Kualiti perkhidmatan dan tahap hospitaliti pelancongan yang masih boleh ditingkatkan;
- iii. Ketinggian nilai matawang Negara Brunei Darussalam berbanding nilai matawang negara-negara jiran;
- iv. Persaingan dengan negara-negara jiran yang telah lama memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti pelancongan seperti persaingan dari segi kos, infrastruktur, pemberian insentif dan perkhidmatan produk-produk pelancongan;
- v. Warga Brunei yang sudah sekian lama terbiasa dengan perancangan pelancongan keluar negara setiap musim percutian panjang;
- vi. Kekurangan sumber tenaga kerja pelancongan yang fasih bertutur bahasa asing seperti Jepun, China, Korea dan lain-lain; dan
- vii. Penularan wabak penyakit (COVID-19) menjejaskan kemasukan pelancong asing dan pelabur ke Negara Brunei Darussalam serta menyebabkan kurangnya permintaan pada sektor perkhidmatan.



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.4 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN

#### **Produk-produk Pelancongan Yang Masih Boleh Diperbaiki**

- i. Mengukuhkan produk-produk pelancongan dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan jumlah pelancong dan memanjangkan tempoh penginapan pelancong di Negara Brunei Darussalam;

#### **Kualiti Perkhidmatan Dan Tahap Hospitaliti Pelancongan Yang Masih Boleh Ditingkatkan**

- ii. Bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan seperti ejen pelancongan, pusat-pusat latihan dan lain-lain yang berkaitan bagi meningkatkan kapasiti kemahiran dan memastikan kualiti perkhidmatan adalah cemerlang dan konsisten;
- iii. Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan dengan:
  - a. Memperkukuhkan perundangan dan peraturan;
  - b. Meningkatkan piawaian dan keselamatan;
  - c. Melaksanakan program pengiktirafan dan pensijilan;
  - d. Mengamalkan dan membudayakan tatacara perkhidmatan layanan yang menerapkan ciri-ciri keIslaman seperti bersopan santun, ramah, mesra, jujur, dan suka membantu; dan
  - e. Memudahkan pengurusan pergerakan (*travel facilitation*) dan menambah pengalaman pelancong melalui teknologi digital.





## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.4 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN

#### **Ketinggian Nilai Matawang Negara Brunei Darussalam Berbanding Nilai Matawang Negara Jiran**

- iv. Membangunkan dan mengukuhkan produk-produk pelancongan *niche* dengan memberikan penekanan kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang mesra, berkualiti, bersih, selamat dan selesa untuk pelancong;

#### **Persaingan Aktiviti Pelancongan Dengan Negara-negara Jiran**

- v. Mengukuhkan produk pelancongan dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang menarik, bukan sahaja menumpukan kepada penjenamaan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi yang aman, mempunyai keunikannya yang tersendiri seperti tarikan nilai sejarah, seni, warisan, kebudayaan, keindahan alam semulajadi yang masih asli dan persekitaran yang bersih, tetapi juga ditambah nilai (*value-added*) dengan memberi penekanan kepada aspek penyediaan perkhidmatan dan layanan yang disesuaikan dengan calak kehidupan masyarakat Brunei yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) seperti peramah, bersopan santun, tidak camah mata dan penuh budi pekerti, disamping memberi penekanan mengenai keperluan untuk meningkatkan tahap kebersihan, keselamatan dan perkhidmatan demi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi yang unik dan menarik.



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.4 LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN

#### **Warga Brunei Yang Terbiasa Dengan Perancangan Pelancongan Ke Luar Negara Setiap Musim Percutian Panjang**

- vi. Memperkenalkan program dan inisiatif bagi mempromosi serta menarik warga Brunei bercuti dan berbelanja di dalam negara;

#### **Kekurangan sumber tenaga kerja pelancongan yang fasih bertutur bahasa asing**

- vii. Memperluaskan penggunaan teknologi bagi kemudahan pelancong seperti peralatan *audio guide* di tempat-tempat lawatan pelancong;
- viii. Meningkatkan tahap kemahiran tenaga kerja pelancongan seperti pemandu-pemandu pelancong dan barisan hadapan (*front liners*) pemberi perkhidmatan pelancongan dengan mengadakan latihan bahasa asing dan perkongsian pengetahuan yang berkaitan.

#### **Penularan Wabak COVID-19 Menjejaskan Kemasukan Pelancong Asing Ke NBD**

- ix. Mengukuhkan produk pelancongan dan membanyakkan program-program bagi menggalakkan pelancongan domestik dengan memberi penekanan kepada menjaga imej negara yang positif dan menawarkan makanan tempatan di setiap destinasi untuk menjana perniagaan setempat yang mana juga akan merangsang ekonomi dalam negara.



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.5 SASARAN DAN HALATUJU

Penekanan adalah untuk memastikan adanya peningkatan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong yang berterusan dan berdayatahan, dan pertumbuhan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan dengan pelancongan iaitu dengan memberikan tumpuan kepada pengukuhan daya tarikan; kepelbagaian produk-produk pelancongan; serta meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

#### **Sasaran dan Trajektori Industri Pelancongan (2020-2022):**

- Ketibaan pelancong melalui udara diunjurkan menurun dari 333,244 pada tahun 2019 kepada 158,291 pelancong pada tahun 2020, iaitu penurunan sebanyak 52.5% disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Pada masa yang sama, pendapatan pelancongan juga diunjurkan menurun dari \$113.07 juta pada tahun 2019 kepada \$78.35 juta pada tahun 2020, iaitu penurunan sebanyak 30.71% (Rajah 26);
- Menjelang tahun 2022, sektor pelancongan dijangka akan kembali pulih secara perlahan dengan ketibaan pelancong melalui udara disasarkan akan meningkat dari 158,291 pelancong (2020) kepada 174,516 pelancong (2022), iaitu pada purata 5% setahun (2020-2022); dan pendapatan pelancong disasarkan meningkat dari \$78.35 juta (2020) kepada \$86.39 juta (2022), iaitu pada purata 5% setahun (2020-2022) (Rajah 26).



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.5 SASARAN DAN HALATUJU


- i. Jumlah pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam melalui udara disasarkan tumbuh pada purata 5% setahun, iaitu seramai 174,516 orang menjelang tahun 2022 (Rajah 26);
- ii. Pendapatan pelancong disasarkan tumbuh pada purata 5% setahun iaitu bernilai \$86.39 juta menjelang tahun 2022 (Rajah 26);
- iii. Purata kadar penginapan bagi perhotelan disasarkan meningkat pada kadar 21.9% menjelang tahun 2022 berbanding purata kadar penginapan perhotelan sebanyak 15.3% bagi tahun 2020 (Rajah 27); dan
- iv. Purata tempoh penginapan bagi perhotelan disasarkan meningkat kepada 3 hari menjelang tahun 2022 berbanding 2.34 hari pada tahun 2019 (Rajah 27).



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.5 SASARAN PERTUMBUHAN INDUSTRI PELANCONGAN (2020-2022)

**RAJAH 26: JUMLAH KETIBAAN PELANCONG MELALUI UDARA DAN PENDAPATAN PELANCONGAN PADA 2020 BERBANDING 2019 DIUNJURKAN MENURUN MASING-MASING PADA **PURATA -52.5% SETAHUN** & **-30.71% SETAHUN**. JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG DAN PENDAPATAN PELANCONGAN DISASARKAN TUMBUH**



■ Ketibaan Pelancong (orang)

◆ Pendapatan Pelancongan (B\$ Juta)

2019

2020 (sasaran)

2021 (sasaran)

2022 (sasaran)

333,244

158,291

166,205

174,516

\$113.07

\$78.35

\$82.27

\$86.39



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.5 SASARAN PERTUMBUHAN INDUSTRI PELANCONGAN (2020-2022)

**RAJAH 27:** PURATA KADAR PENGINAPAN BAGI PERHOTELAN DISASARKAN MENINGKAT PADA KADAR 21.9% MENJELANG TAHUN 2022 DAN PURATA TEMPOH PENGINAPAN BAGI PERHOTELAN DISASARKAN MENINGKAT KEPADA 3 HARI MENJELANG TAHUN 2022



■ Purata Tempoh Penginapan

● Purata Kadar Penginapan

2019

2020

2021

2022

2.34

3.00

3.00

3.00

37.3%

15.3%

19.9%


21.9%



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.6 UNJURAN PEKERJAAN (2020-2022)

**RAJAH 28: JUMLAH PELUANG PEKERJAAN BAGI INDUSTRI PELANCONGAN DIUNJURKAN SEBANYAK 3,229 PEKERJAAN MENJELANG TAHUN 2022 IAITU DENGAN KADAR PERTUMBUHAN 0.10% SETAHUN**




**Anggaran Jumlah Pekerja Tempatan Menjelang Tahun 2022:**

- **Pekerja Tempatan: 69%** (2,228 orang)
- **Pekerja Asing: 31%** (1,001 orang)



## 8. PELAN STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

### 8.7 PELAN TINDAKAN KE ARAH MENCAPAI SASARAN PERTUMBUHAN INDUSTRI PELANCONGAN




WAWASAN 2035	EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN	
VISI KSSUP	Ke Arah <b>Pertumbuhan Pesat Keluaran</b> Industri Sumber-sumber Utama Dan Pelancongan <b>Sehingga Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi Demi Mencapai Wawasan Brunei 2035.</b>	
PELAN STRATEGIK KSSUP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pelancong melalui udara disasarkan meningkat daripada 158,291 pelancong pada tahun 2020 kepada <b>174,516</b> pelancong menjelang tahun 2022</li> <li>• Pendapatan pelancong disasarkan meningkat daripada \$78.35 juta pada tahun 2020 kepada <b>\$86.39 juta</b> menjelang tahun 2022</li> </ul>	
PELAN STRATEGIK PELANCONGAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pelancong melalui udara disasarkan meningkat daripada 158,291 pelancong pada tahun 2020 kepada <b>174,516</b> pelancong menjelang tahun 2022</li> <li>• Pendapatan pelancong disasarkan meningkat daripada \$78.35 juta pada tahun 2020 kepada <b>\$86.39 juta</b> menjelang tahun 2022</li> </ul>	
FOKUS	KETIBAAN PELANCONG MELALUI UDARA	PENDAPATAN PELANCONGAN MELALUI UDARA
SASARAN	Jumlah pelancong melalui udara disasarkan meningkat kepada <b>174,516 pelancong</b> menjelang tahun 2022	Pendapatan Pelancongan disasarkan meningkat kepada <b>B\$86.39 juta</b> menjelang tahun 2022





# STRUKTUR ORGANISASI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN





## RUMUSAN

- i. Halatuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, selepas ianya diberikan nama dan portfolio baharu pada 22hb. Oktober 2015 bersamaan 9hb. Muharram 1437, adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016;
- ii. Dengan visi, "**Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Yang Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi demi Mencapai Wawasan Brunei 2035**", matlamat Kementerian ini ialah supaya pertumbuhan keluaran dari industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan dapat dipercepatkan dan dipertingkatkan bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Negara Brunei Darussalam;
- iii. Ke arah itu, Kementerian ini senantiasa memberi penekanan kepada **pertumbuhan keluaran; produktiviti; eksport; dan berdayatahan**. Ini adalah bagi memastikan adanya pertumbuhan dan penambahan besar dalam keluaran (output) dari industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan secara berterusan setiap tahun; pentingnya penggunaan teknologi dan teknik moden dalam pengeluaran untuk membantu meningkatkan produktiviti, melonjakkan pengeluaran dengan cepat, membantu mengurangkan unit kos pengeluaran serta membantu meningkatkan daya saing antarabangsa atau *international competitiveness* sehingga dapat bersaing di peringkat antarabangsa; mustahaknya pengusaha untuk tidak lagi bergantung kepada pasaran domestik yang kecil, malah terpaksa menerokai pasaran ekspot demi menjamin peluang pertumbuhan peniagaan dan pertumbuhan KDNK; dan seterusnya memastikan bahawa dalam melaksanakan strategi untuk meningkatkan keluaran, sebarang usaha akan dilakukan untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan kerajaan melalui kaedah-kaedah seperti '*public-private partnership*', pelaburan langsung asing dan lain-lain kaedah yang sesuai dan *cost-effective*; dan
- iv. Dalam kesungguhan untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran industri-industri ini, Kementerian ini akan sentiasa menitikberatkan pengurusan alam sekitar secara mampan bagi keseimbangan pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.